

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**[SEPANG]**

**TARIKH** : **13 OKTOBER 2014**

**SOALAN** : **Tuan Muhamed Hanipa bin Maidin [Sepang]** minta **YB MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan secara terperinci berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh Kementerian sehingga September 2014 bagi kerja-kerja melobi untuk Malaysia dipilih sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti yang Dewan yang mulia ini sedia maklum, peruntukan tambahan berjumlah RM20 juta telah diluluskan supaya Kementerian Luar Negeri dapat membiayai kegiatan melobi pencalonan Malaysia untuk menduduki kerusi tidak tetap Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 2015-2016 sepanjang tahun 2014.

2. Antara aktiviti-aktiviti melobi tersebut termasuklah lawatan-lawatan YB Menteri Luar Negeri dan YB Timbalan Menteri Luar Negeri ke Negara-negara yang telah dikenalpasti bagi melobi sokongan mereka; penganjuran pameran foto di Ibu Pejabat PBB di New York; majlis-majlis resepsi dengan wakil Negara-negara anggota PBB yang lain di New York; perbincangan panel berkisarkan pengukuhan misi pengaman PBB di New York; pembelian dan penghasilan barang-barang bagi tujuan melobi pencalonan Malaysia; serta kos penempatan para pegawai di Pejabat Perutusan Tetap Malaysia ke PBB di New York.

3. Sesi pengundian ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 2015-2016 dijangka akan diadakan pada 16 Oktober 2014 di New York. Kementerian Luar Negeri akan meneruskan usaha giat melobi sokongan terhadap pencalonan sehingga saat-saat terakhir sebelum sesi pengundian tersebut diadakan. Adalah menjadi harapan besar agar kita rakyat Malaysia dapat bersama-sama mendoakan kejayaan Malaysia untuk menduduki kerusi tidak tetap Majlis Keselamatan PBB.

Sekian, terima kasih.